

Dr. Mahathir di Algeria tingkatkan perdagangan dua hala

Daripada HAMZAH SIDEK

UM 11, AUG 2003

ALGIERS 10 Ogos — Lawatan rasmi Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke Algeria selama tiga hari mulai hari ini dijangka meningkatkan kerjasama dua hala terutama dalam bidang ekonomi dan pelaburan.

Kedua-dua negara akan menandatangani satu perjanjian perdagangan dan satu memorandum persefahaman mengenai kerjasama dalam teknologi maklumat dan komunikasi semasa lawatan tersebut.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Dr. Mahathir adalah Perdana Menteri Malaysia yang pertama melawat Algeria.

Malaysia akan mengambil kesempatan untuk meninjau peluang pelaburan terutama dalam pembinaan lebuh raya dan perumahan serta pembangunan ICT.

Setakat ini, Petronas merupakan pelabur Malaysia terbesar di Algeria dengan memegang ekuiti 45 peratus dalam sebuah syarikat usahasama gas bersama sebuah syarikat Algeria dan sebuah syarikat Perancis.

Menurut Syed Hamid, Proton juga akan mengambil peluang daripada lawatan ini untuk meninjau kemungkinan memasuki pasaran kereta di Algeria yang kini dikuasai oleh kereta-kereta Eropah, terutama dari Perancis.

Algeria yang dijajah Perancis selama 100 tahun mencapai kemerdekaan pada 1962. Berlatarkan hubungan ini, Perancis masih merupakan rakan perdagangan terbesar Algeria yang mengimport 29 peratus barangannya daripada negara Eropah itu.

Dalam hubungan perdagangan dua hala dengan Malaysia yang dijangka dapat dipertingkatkan melalui lawatan Dr. Mahathir, lebihan dagangan selama ini memihak kepada Malaysia.

Mengikut perangkaan 2001, Malaysia mengeksport barangan besi dan minyak masak bernilai RM431.9 juta ke Algeria dan mengimport RM9.3 juta baja.

Dalam meningkatkan kerjasama, Algeria yang memandang tinggi kemajuan yang Malaysia capai dalam bidang ekonomi dan ICT telah meminta bantuan kepakaran Malaysia dalam pembangunan di dua bidang itu.

Malaysia telah menghantar sepasukan pegawai Unit Perancangan Ekonomi (EPU) untuk membuat kajian pembangunan ekonomi dan pelaburan bagi negara itu.

Hasil kajian berkenaan telah dikemukakan kepada kerajaan Algeria pada tahun ini.

Negara Arab yang terletak di tepi Laut Mediterranean. Utara Afrika ini belum begitu pesat membangun. Sebahagian besar ekonominya bergantung kepada bahan petroleum dan gas yang merupakan 97 peratus daripada eksportnya.

Algeria yang tertarik dengan kejayaan Malaysia membangunkan Koridor Raya Multimedia dan Cyberjaya, juga meminta bantuan kepakaran bagi pembangunan ICTnya.

Dalam lawatannya ini, Dr. Mahathir akan mengunjungi taman teknologi di bandar Sidi Abdullah yang juga dirancang untuk dijadikan bandar sibernya.

Perdana Menteri yang melawat di atas jemputan Presiden Abdelaziz Bouteflika, dijadualkan mengadakan perbincangan empat mata dengan pemimpin Algeria itu, yang pernah datang ke Malaysia bagi menghadiri sidang kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) di Kuala Lumpur tidak lama dulu.

Selain perkara-perkara yang berkaitan dengan hubungan dua hala, mereka juga akan membincangkan hal-ehwal antarabangsa termasuk isu terrorisme, perkembangan di Iraq dan Palestin serta perpaduan negara-negara Islam.

Dr. Mahathir juga akan menyampaikan jemputan secara rasmi kepada Presiden Abdelaziz bagi menghadiri sidang kemuncak OIC di Kuala Lumpur, Oktober ini.

Sebagai Pengerusi OIC dan NAM, Dr. Mahathir dijangka mendapatkan pandangan pemimpin Algeria itu mengenai agenda dan halacara yang berkaitan dengan kedua-dua pertubuhan itu. Selain pertemuan dengan Presiden Abdelaziz, beliau juga akan berbincang dengan Perdana Menteri Algeria, Ahmed Ouyahia.

Rombongan Perdana Menteri dianggotai 127 orang termasuk empat menteri, tiga Menteri Besar (Kedah, Perlis dan Negeri Sembilan) dan 50 ahli perniagaan.

Menteri-menteri yang turut serta ialah Datuk Seri S. Samy Vellu (Kerja Raya), Datuk Seri Lim Keng Yaik (Perusahaan Utama), Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) dan Syed Hamid. — **Utusan**